

14 OCT 2003

Parlimen-ekonomi

PARLIMEN: PRESTASI EKONOMI NEGARA DAPAT PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Rakyat harus berbangga dengan prestasi ekonomi negara yang berterusan mendapat pengiktirafan antarabangsa hasil daripada langkah bijak kerajaan merangsang pertumbuhannya, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis.

Beliau berkata bahawa minggu lepas agensi penarafan antarabangsa Standard & Poor telah menaikkan gred penafaran ekonomi Malaysia kepada 'A-' berbanding 'BBB+' sebelum ini.

"Ini berita baik untuk rakyat Malaysia ketika negara sedang menjadi tuan rumah OIC, dunia mengiktiraf ekonomi negara sebagai telah benar-benar pulih," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjelaskan jawapannya kepada soalan Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) di dalam Dewan Rakyat, yang ingin tahu sama ada dasar fiskal negara telah berjaya menjana pembangunan ekonomi dan kemakmuran rakyat.

Jamaluddin berkata pemulihan ekonomi adalah berkat pakej ekonomi dan Bajet 2004 yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Kedudukan ekonomi negara yang baik turut dilihat pada prestasi memberangsangkan Bursa Saham Kuala Lumpur apabila Indeks Komposit melonjak hingga mencecah paras 800 mata berbanding sekitar 600 sebelum ini, katanya.

Jumaat lepas, Indeks Komposit mencatat 800.72 mata dalam dagangan awal.

--BERNAMA

HM HM MAI